

Ibu bapa harus lebih prihatin keselamatan anak-anak

Aktiviti Wanita

Mereka yang sering turut serta setiap kali ceramah dianjurkan adalah mereka yang tidak bermasalah dan sememangnya bermotivasi untuk mencapai kejayaan

SHAH ALAM - Tidak cukup dengan tekanan ekonomi, masyarakat kini dibebani pula dengan kes penculikan yang amat membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Salah satu sebab perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh sikap kurang prihatin ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, yang juga merupakan penulis buku dan penceramah motivasi, Profesor Madya Dr Baayah Baba, masyarakat hari ini, terutama di kalangan orang Islam perlu kembali kepada konsep Islam yang sebenar.

Katanya, Islam Hadhari yang membawa kepada kebaikan bukan hanya menitikberatkan perihal hablum minallah iaitu hubungan

manusia dengan Allah, tetapi juga mengenai hablum minannas.

"Tidak perlu jadi ustaz atau ustazah untuk memahami kedua-dua hubungan ini, lebih-lebih lagi hubungan sesama insan, yang sama-sama lemah dan saling memerlukan," katanya.

Tambahnya, beliau sering dipanggil ke Petaling Jaya Selatan untuk menyampaikan ceramah keibubapaan dan beberapa kali pulang agak lewat, melepasi jam 12 malam, dan sering melihat kanak-kanak dalam lingkungan umur 8 tahun sehingga 10 tahun, lelaki dan perempuan menaiki basikal seolah-olah hari masih siang.

Beliau berkata, ia mungkin menjadi salah satu faktor yang mendorong berlaku penculikan dan yang pasti ibu bapa seharusnya lebih prihatin dan tidak mengabaikan anak-anak mereka.

Dr Baayah berkata, semakin lama beliau semakin dekat kepada punca masalah yang sebenar iaitu keadaan rumah yang kurang selesa. Contohnya bilangan adik-beradik ramai sehinggakan mereka tiada ruang untuk bermain atau tiada

aktiviti lain yang dapat dilakukan sehinggakan mereka mengambil keputusan untuk keluar.

"Pelbagai Badan bukan Kerajaan (NGO) telah banyak menganjurkan ceramah keibubapaan bagi memberi pendidikan kepada ibu bapa agar mengambil berat dan mementingkan kejayaan anak-anak dalam bidang pelajaran.

"Namun yang sering turut serta setiap kali ceramah dianjurkan adalah mereka yang tidak bermasalah dan sememangnya bermotivasi untuk mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata, di mana silapnya, setelah kerajaan menyediakan prasarana yang boleh dikatakan agak selesa untuk rakyat, adakah rakyat semakin jauh daripada arus pembangunan mental.

Justeru katanya, beliau menyarankan ibu bapa kembali mengajar anak-anak agar mentaati mereka selaku ibu bapa dan menegur anak-anak dengan hati terlebih dahulu serta berdoa kepada Allah agar anak-anak boleh berubah ke arah yang lebih cemerlang.

Menurutnya lagi, proses



DR BAAYAH BABA

pendidikan itu sendiri memang tiada hadnya dan perlu dilakukan dari buaian sehingga ke liang lahad, justeru kejadian yang menimpa Sharlinie harus dijadikan iktibar agar ibu bapa dan masyarakat akan berubah menjadi lebih peka terhadap perangai anak-anak dan anak jiran serta saling bantu-membantu bagi memastikan kawasan kejiranan selamat.